



DIKELUARKAN OLEH JABATAN MUFTI PERLIS

MENGHAYATI PERISTIWA ISRAK DAN MIKRAJ

(TEKS KHUTBAH JUMAAT KHAS PPN 25 FEBUARI 2022)

MENGHAYATI PERISTIWA ISRAK DAN MIKRAJ

(TEKS KHUTBAH JUMAAT KHAS PPN 25/2/2022)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا
اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا
اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ. أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ
كِتَابُ اللَّهِ، وَخَيْرَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَشَرَّ الْأُمُورِ
مُحَدَّثَاتُهَا، وَكُلَّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعَةٌ، وَكُلَّ بَدْعَةٍ ضَلَالَةٌ، وَكُلَّ ضَلَالَةٍ فِي النَّارِ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah SWT,

Saya berpesan kepada diri saya dan tuan-tuan para jemaah sekalian, marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa iaitu melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita berbahagia di dunia dan di akhirat. Tajuk khutbah kita pada hari ini ialah; **MENGHAYATI PERISTIWA ISRAK DAN MIKRAJ.**

Muslimin Yang Dirahmati Allah SWT,

Al-Israk bermaksud, diperjalankan Nabi Muhammad SAW oleh Allah SWT pada waktu malam hari dari Mekah Al-Mukarramah menuju ke Baitul Maqdis di Palestin. Allah SWT berfirman dalam surah al-Israk, ayat 1:

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا

الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِن آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

Maksudnya: “Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya pada malam hari dari Masjidil haram ke Masjidil Aqsa yang Kami berkati sekelilingnya, untuk diperlihatkan kepadanya tanda kekuasaan Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

Al-Mikraj pula bermaksud naiknya baginda Nabi SAW ke langit, seterusnya ke Sidratul Muntaha untuk bertemu dengan Allah Jalla wa 'Ala, Tuhan yang bersemayam di atas 'Arasy. Nabi SAW bersabda;

ثُمَّ عَرَجَ بِنَا إِلَى السَّمَاءِ

Ertinya: "**Kemudian telah diMikrajkan (naik) kami ke langit dunia**". [Hadis riwayat Muslim].

Sebenarnya para ulama sirah tidak dapat menetapkan secara tepat tarikh sebenar bilakah berlakunya peristiwa tersebut. Pelbagai pendapat telah diberikan tentang tahun dan bulan bilakah berlakunya Isra dan Mikraj. Hal ini seperti yang disebutkan oleh Soffiyurrahman Al-Mubarakfuri صَفِيُّ الرَّحْمَنِ الْمُبَارَكْفُورِيِّ . Kesemua mereka sepakat mengatakan bahawasanya peristiwa itu telah berlaku tanpa syak. Ini kerana dalil Al-Quran dan Al-Sunnah menunjukkan kejadian itu benar-benar terjadi.

Sidang Jumaat Yang Di Kasihi Sekalian,

Peristiwa Israk dan Mikraj adalah peristiwa yang sangat penting bagi kita semua yang mengaku beriman dengan apa yang di bawa oleh Rasulullah SAW. Peristiwa ini mengandungi iktibar atau pengajaran yang besar bagi umat Islam khususnya dan umat manusia amnya. Israk dan Mikraj membuktikan kebesaran Allah SWT. Kisah Israk dan Mikraj ini wajib diimani oleh kita semua berdasarkan sandaran yang sahih daripada Al-Quran dan hadis-hadis Nabi SAW.

Peristiwa Israk dan Mikraj ini memberi pengajaran yang amat besar dan mengingatkan kepada kita semua tentang betapa tingginya kedudukan masjid dan peranannya dalam kehidupan Muslim. Dalam peristiwa Israk Mikraj ini Allah SWT telah memperjalankan baginda Rasulullah SAW bermula dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa di Palestin yang di berkati sekelilingnya, kemudian dibawa ke langit bertemu Allah azzawajalla.

Kedua-dua masjid tersebut iaitu Masjidil Haram dan Masjidil Aqsa adalah rumah ibadah suci umat Islam yang menjadi simbol penyatuan ummah dan arah kiblat umat Islam ketika melaksanakan ibadah solat. Masjidil Aqsa adalah kiblat pertama umat Islam sebelum masjidil haram, kerana itulah masjid Aqsa sentiasa dijiwa umat Islam. Saidina Umar RA telah berjaya menawan Baitul Maqdis yang terdapat di dalamnya masjid Aqsa, tanpa sebarang pertumpahan darah. Masjid Aqsa adalah salah satu dari tiga masjid yang utama dalam Islam. Baginda Rasulullah SAW amat menggalakkan kita semua sebagai umatnya supaya melakukan perjalanan untuk menziarahi ketiga-tiga masjid tersebut sepertimana yang telah diriwayatkan oleh Imam Muslim. Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam bersabda;

لَا تَشُدُّوا الرِّحَالَ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ مَسْجِدِي هَذَا وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَالْمَسْجِدِ

الْأَقْصَى

Ertinya; *"Janganlah kamu bersusah payah untuk melakukan perjalanan, kecuali (untuk menuju) ke tiga buah Masjid. Yaitu: Masjidku ini (Masjid Nabawi), Masjidil Haram, dan Masjid Al Aqsa.* (Hadis Riwayat Muslim)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Perjalanan suci Rasulullah SAW ini melibatkan beberapa peristiwa penting, antaranya ialah diberi kemuliaan dan ketinggian darjat oleh Allah SWT kepada nabi SAW untuk mengadapnya di Sidratul Muntaha dan menerima perintah solat lima waktu, Sepertimana yang tersebut dalam satu hadis riwayat Imam Muslim, Rasulullah SAW bersabda :

أَوْحَى اللَّهُ إِلَيَّ مَا أَوْحَى فَفَرَضَ عَلَيَّ خَمْسِينَ صَلَاةً فِي كُلِّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ فَنَزَلْتُ إِلَى مُوسَى صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ مَا فَرَضَ رَبُّكَ عَلَيَّ أُمَّتِكَ قُلْتُ خَمْسِينَ صَلَاةً قَالَ ارْجِعْ إِلَى رَبِّكَ فَاسْأَلْهُ التَّخْفِيفَ فَإِنَّ أُمَّتَكَ لَا يُطِيقُونَ ذَلِكَ. قَالَ فَرَجَعْتُ إِلَى رَبِّي فَقُلْتُ يَا رَبِّ خَفِّفْ عَلَيَّ أُمَّتِي فَحَطَّ عَنِّي حَمْسًا. قَالَ يَا مُحَمَّدُ إِنَّهُنَّ خَمْسُ صَلَوَاتٍ كُلَّ يَوْمٍ وَلَيْلَةٍ لِكُلِّ صَلَاةٍ عَشْرٌ فَذَلِكَ خَمْسُونَ صَلَاةً.

Maksudnya; *"Allah telah mewahyukan kepada aku (di Sidratul Muntaha) dengan mewajibkan solat lima puluh waktu sehari semalam. Lalu aku turun dan bertemu Nabi Musa Alaihissalam, dia bertanya, 'Apakah yang telah difardhukan oleh Tuhanmu kepada umatmu?' Beliau bersabda: "Solat lima puluh waktu'. Nabi Musa berkata: 'pergi semula kepada Tuhanmu, mintalah dikurangkan (jumlah rakaat), kerana umat engkau tidak akan mampu melaksanakannya. Beliau bersabda: "Aku pergi semula kepada Tuhanku, lalu aku berkata: 'Wahai Tuhanku, berilah keringanan kepada umatku'. Lalu Allah subhanahu wata'ala. telah mengurangkan*

(buat aku dan umatku) lima waktu solat (yang wajib sehari semalam) '. (lalu) Allah SWT berfirman: 'Wahai Muhammad! Sesungguhnya aku fardhukan lima waktu sehari semalam. Setiap (satu waktu) solat fardhu dilipat gandakan dengan sepuluh kali ganda. Maka (solat lima waktu yang wajib itu ganjarannya, bersamaan dengan solat) lima puluh (waktu) solat fardhu''.

Ibadah solat adalah satu amalan yang wajib dan amat penting kearah membentuk modal insan soleh yang dikehendaki oleh Islam. Dengan solat seseorang mendapat ketenangan jiwa, menjadi perisai diri daripada terjebak melakukan dosa dan maksiat. Sesungguhnya ibadah solat menjadi penanda aras kekuatan ummah. Allah SWT berfirman dalam surah al-Ankabut Ayat 45 :

أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيَّ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ

وَالْمُنْكَرِ ۗ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ ﴿٤٥﴾

Mafhumnya: *Bacalah serta ikutlah (wahai muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-quran, dan dirikanlah solat (dengan tekun); sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnyanya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*

Solat adalah salah satu ibadah yang dapat mendekatkan diri kita kepada Allah SWT dan boleh memberi kesan yang baik kepada akhlak seseorang dan cara solat kita hendaklah menepati sepertimana yang telah ditunjukkan oleh Nabi SAW. Rasulullah SAW bersabda:

صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي

Maksudnya : "*Solatlah kamu sepertimana kamu melihat aku solat*". (Hadis Riwayat Al-Imam Al-Bukhari)

Iaitu hendaklah kita mempelajari dan melaksanakan solat sepertimana sifat solat atau gerak geri solat yang dicontohkan oleh Nabi SAW dalam hadis-hadisnya yang sahih.

Muslimim Yang Dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menyeru kepada sidang jumaat sekalian, marilah sama-sama kita menghayati dan mengambil iktibar atau pengajaran daripada peristiwa Israk dan Mikraj dengan mempertingkatkan kualiti iman, ibadah dan takwa kita bersumberkan hujah yang benar dari Al-Quran dan Assunnah menurut fahaman Assalafussoleh dan sekali gus meninggalkan segala tegahan dan larangan Allah S.W.T. Allah SWT berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 285 :

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ وَكُتُبِهِ

وَرُسُلِهِ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِ وَقَالُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ

الْمَصِيرُ

Mafhumnya : *Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya. (Mereka berkata): "Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain rasul-rasulnya". mereka berkata lagi: kami dengar dan kami taat (kami pohonkan) keampunanmu wahai tuhan kami, dan kepadamu jualah tempat kembali*".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ وَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَ أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَ عَلَى آلِهِ وَ صَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dikasihi Sekalian,

Solat subuh dan solat asar mempunyai kelebihan yang amat besar bagi sesiapa yang mengetahuinya, Kedua-dua waktu solat ini paling berat dilaksanakan, kerana pada waktu solat Subuh masih ramai orang yang tidur, manakala waktu Asar pula masih ramai yang sibuk bekerja. Rasulullah SAW bersabda;

"لَنْ يَلِجَ النَّارَ أَحَدٌ صَلَّى قَبْلَ طُلُوعِ الشَّمْسِ وَقَبْلَ غُرُوبِهَا".

Ertinya;" *Sekali-kali Tidak akan masuk neraka seseorang yang solat sebelum terbit matahari dan juga sebelum terbenamnya, (iaitu solat Subuh dan solat Asar)*". (Hadis Riwayat Muslim)

Marilah sama-sama kita merebut kelebihan solat subuh dan solat asar yang amat besar ini, lebih-lebih lagi jika dilakukan dengan berjemaah, sepertimana yang di janjikan oleh Allah SWT melalui lisan baginda Rasulullah SAW.

Sidang Jumaat Yang Dihormati Sekalian,

Sesungguhnya, Allah SWT berfirman dalam surah Al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan para malaikat berselawat ke atas Nabi, maka wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu berselawat dan salam ke atas Nabi.*

Nabi SAW bersabda dalam hadis yang sahih, daripada Anas Bin Malik RA;

مَنْ صَلَّى عَلَيَّ وَاحِدَةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ عَشْرًا ، وَحَطَّ عَنْهُ عَشْرَ خَطِيئَاتٍ

yang bermaksud ; *“Barangsiapa berselawat ke atas aku satu kali, maka Allah membalasnya (dengan merahmatinya dan Allah memberi ganjaran pahala kepadanya sebanyak) 10 kali dan (Allah) menghapuskan dosa-dosanya”.*(Hadis riwayat Al-Bukhari dalam Al-Adabulmufrad)

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَقَاضِي الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَ الْجُنُونِ وَ الْجُدَامِ وَ مِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

Ya Allah! Ampunilah seluruh kaum muslimin sama ada yang hidup ataupun yang telah mati. Ya Allah! kami berlindung denganMu daripada penyakit sopak, penyakit gila, penyakit kusta dan penyakit-penyakit yang buruk.

Ya Allah! Berikan petunjuk hidayah serta rahmatMu kepada kami sekalian hamba-hambaMu dan kepada pemimpin kami terutamanya Raja pemerintah Negeri Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail serta kaum kerabat Baginda, supaya sentiasa beramal dengan kitabMu dan sunnah nabiMu Muhammad SAW, dan Engkau lanjutkanlah usia baginda berdua dalam keadaan selamat, sihat sejahtera dan semoga dengan kesihatan yang baik yang telah Engkau kurniakan kepada baginda berdua, terlaksanalah pemerintahan yang adil lagi direndhai olehMu.

Ya Rahman, Ya Rahim! Kami memohon kepadaMu dengan segala kerendahan diri sebagai hambaMu, Engkau indahkanlah akhlak kami, Engkau perbaikilah pergaulan antara kami. Engkau peliharalah kami dari penyakit lemah, malas, berfikiran dangkal dan buruk budi pekerti.

Ya Rahman, Ya Wadud, Engkau baikilah keluarga kami, anak isteri kami, saudara mara kami, jiran tetangga kami dan seluruh urusan mereka yang kami kasih. Engkau jadikanlah kami umat yang mempunyai ketinggian akal dan budi, mempunyai minda yang unggul dalam menguruskan kehidupan ini dan menjadi teladan yang baik kepada manusia yang lain.

Ya Allah! Jadikanlah Negeri Perlis ini sebagai negeri yang makmur, rakyatnya hebat, mantap, bermentaliti kelas pertama dalam tindakan, hidup bersih, bersatu padu dan dilimpahi berkat serta Rahmah dari sisimu. Engkau jauhkanlah kami dari bala dan kerosakan. Engkau tambahkanlah nikmatmu kepada kami. Engkau berikanlah kepada kami kebahagiaan hidup di dunia dan di hari akhirat.

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ
بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.